

Andragogi: Pendekatan untuk Meningkatkan Pengetahuan Dan Kemahiran Di Kalangan Operator Inap Desa Malaysia

Nor Hairul Palal^{*}, Amran Hamzah

Fakulti Alam Bina . Universiti Teknologi Malaysia (UTM) 81310, UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author: nhairul2@live.utm.my

Abstract

Homestay, as a community-based tourism product of Malaysia has increased in popularity and demand among domestic and international tourists. Given that most of these operators comprised of adults who do not possess any background in the tourism industry, hence various forms of training should be emphasised in order to raise their quality of skills and hospitality. In line with the above qualitative approach was adopted to identify the extent to which a particular adult's education (andragogy) is capable of increasing him/her knowledge in ensuring the success in the homestay programme. A study involving 5 homestays in Johor had produced 3 themes that discuss the needs of knowledge and skills of homestay operators which consisted of adults aged 40 years old and above.

Keywords: Homestay, adults, andragogy

Abstrak

Homestay atau juga dikenali sebagai Inap Desa merupakan satu produk pelancongan berdasarkan komuniti di Malaysia yang kian popular dan mendapat permintaan di kalangan pelancong tempatan dan antarabangsa. Walaubagaimanapun kebanyakan operator inap desa ini merupakan golongan orang dewasa di mana mereka tidak mempunyai sebarang latar belakang di dalam industri pelancongan. Sehubungan dengan itu, pelbagai bentuk latihan perlu ditekankan dalam usaha untuk meningkatkan kualiti kemahiran di dalam hospitaliti. Selaras dengan yang dinyatakan di atas, kajian secara kualitatif ini telah dijalankan untuk mengenal pasti sejauh mana pendidikan orang dewasa (andragogy) mampu membantu mereka meningkatkan pengetahuan dan pengalaman mereka bagi memastikan kejayaan homestay melalui aktiviti yang. Satu kajian yang melibatkan 5 inap desa di Johor telah menghasilkan 3 tema yang membincangkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh operator inap desa yang terdiri daripada orang dewasa yang berumur 40 tahun ke atas.

Kata Kunci: Inap desa, dewasa dan andragogy

© 2017 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Pendidikan kepada golongan dewasa merupakan satu keperluan yang perlu difahami pada masa kini. Selama ini mereka didebakkan dengan sistem pendidikan secara pedagogi namun selaras dengan keperluan umur yang semakin meningkat, bentuk pendekatan latihan perlu diubah agar bersesuaian dengan keperluan umur mereka. Keperluan menjalani latihan merupakan keperluan yang perlu dipenuhi bagi mencapai pembangunan kapasiti (Aguinis & Kraiger, 2009). Melaluinya kelestarian komuniti dapat dibentuk apabila setiap individu dibekalkan dengan latihan yang bersesuaian. Sehubungan dengan itu, adalah sangat perlu satu pendekatan pendidikan yang berkesan di dalam pembangunan kapasiti terutama untuk golongan dewasa di luar bandar. Menerusi pendidikan sepanjang hayat, pendekatan pendidikan orang dewasa atau andragogi dilihat merupakan satu pendekatan yang perlu digunakan untuk mereka yang telah berumur (Schultz, 2012). Ia penting bagi memastikan penerimaan kepada ilmu yang diajarnya menjadi lebih berkesan (Ramlan et. al., 2008) dan dalam masa yang sama mereka dapat mengamalkan ilmu yang diperolehi (Froelich & Puig, 2009).

Pendidikan sepanjang hayat merupakan satu proses pembelajaran yang membekalkan pengetahuan dan kemahiran bagi memenuhi keperluan semasa seseorang (Laal, 2012). Sehubungan dengan itu, latihan perlu diberikan kepada mereka bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan di dalam industri pelancong. Walaubagaimanapun pendekatan latihan yang bersesuaian perlu diberikan bagi mengelakkan berlakunya pembaziran wang dan masa (Aksu & Sevcen, 2011). Isu mengenai keperluan latihan kepada operator inap desa ada dinyatakan oleh beberapa pengkaji seperti kekurangan pengetahuan di dalam pembangunan inap desa (Abdul Rasid et al., 2011), dari aspek kepimpinan (Chanthraprayoon & Sasiphalin, 2013), aspek pelancongan (Johan Afendi & Mohamad Zaki, 2009), aspek kemahiran berkomunikasi (Kidd et al., 2004; Cyprian, 2012), dan aspek kemahiran perkhidmatan (Hu et al., 2012). Pembangunan latihan kepada golongan dewasa dilihat sebagai satu keperluan terutama kepada komuniti luar bandar seperti inap desa ini kerana rata-rata operator inap desa adalah golongan dewasa. Melalui pembangunan latihan yang berkesan dan terancang yang bersesuaian dengan umur peserta, ia mampu meningkatkan kualiti industri pelancongan yang bertaraf dunia (Okazaki, 2008) dan dalam masa yang sama mampu menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia.

Sehubungan itu, kajian dijalankan adalah secara kualitatif terhadap 5 buah inap desa di Negeri Johor bagi memastikan sejauh mana pendekatan latihan yang diberikan secara andragogi dilihat lebih berkesan berbanding dengan pendekatan secara pedagogi (Knowles, 1980). Kajian yang dijalankan secara kualitatif adalah untuk mendalamai (Hancock et al., 2009) bentuk latihan yang diingini oleh operator inap desa selaras dengan tahap umur dan pemikiran mereka. Sesi temu bual dilaksanakan di dalam kajian bagi mengetahui perasaan dan keinginan yang diperlukan (Bhattacharya, 2007) oleh operator sepanjang latihan yang diterima. Dapatkan yang diperolehi membantu mengenalpasti keperluan yang perlu diberikan bagi memastikan proses latihan yang diberi adalah secara berkesan dan bersesuaian dengan golongan dewasa.

■2.0 LITERATURE REVIEW

Keperluan Pembangunan Kapasiti Melalui Pendidikan Sepanjang Hayat

Pembangunan kapasiti merujuk kepada proses meningkatkan kemahiran dan sumber dalam membangunkan organisasi dan komuniti. Pembangunan kapasiti boleh didefinisikan bagi memenuhi keperluan sumber dengan cara yang berkesan dan efektif bagi memenuhi matlamat yang telah ditetapkan (Otoo et al., 2009). Dalam merealisasikan pembangunan komuniti yang mampan, tiga aspek pembangunan kapasiti sering dibincangkan kerana ianya saling berkaitan antara satu sama lain iaitu pembangunan kapasiti individu (Rohayu & Noor Sharipah, 2013), kapasiti institusi (Aref, 2011) dan kapasiti komuniti (Camino, 2005). Walaubagaimanapun keperluan pembangunan kapasiti individu dilihat sebagai asas penting yang perlu dibangunkan agar kapasiti institusi dan komuniti dapat bergerak seiring. Merujuk kepada kapasiti individu, 3 elemen penting yang perlu dibangunkan adalah kepimpinan (Walker & Gray, 2009), penyelesaian masalah (Laverack & Thangphet, 2007), dan pengetahuan teknikal serta kemahiran ((PEPFAR), 2012). Dari aspek pembangunan kemahiran, latihan diperlukan bagi mencapai objektif dan dalam masa yang sama peningkatan pembangunan kapasiti individu dapat dipertingkatkan. Keperluan latihan dilihat sangat berkepentingan selaras dengan definisi latihan iaitu satu proses pembelajaran terancang dalam meningkatkan kemampuan individu untuk menyelesaikan masalah agar pembangunan organisasi akan lebih berdaya saing (Ismail & Ibrahim, 2010; Aksu & Sevcen, 2011). Proses meningkatkan pengetahuan dan kemahiran boleh dilaksanakan melalui pendekatan pendidikan sepanjang hayat sejarar dengan keperluan operator inap desa dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di dalam industri pelancongan.

Mencari ilmu merupakan satu keperluan di dalam kehidupan. Menerusi ilmu yang dipelajari, pemahaman kepada kehidupan akan lebih jelas dan jika ia digunakan pada jalan yang betul, pelbagai kebaikan dapat diperolehi dari ilmu tersebut. Proses mencari ilmu tidak menetapkan sebarang had kepada pencintanya, malah umur bukanlah satu penghalang bagi meneruskan keinginan untuk mencari ilmu. Mencari ilmu adalah satu keperluan sepanjang hayat. Semakin banyak ilmu yang dicari, semakin banyak perkara yang ingin diketahui. Menerusi pendidikan sepanjang hayat ia merupakan satu proses pembangunan dan peningkatan yang berterusan dari aspek pengetahuan (Chīiba, 2012) kemahiran (Laal, 2012) dan nilai (Abidin et al., 2008) oleh seseorang sama ada secara formal ataupun tidak formal. Peluang untuk meningkatkan pengetahuan kepada setiap individu perlu diperluaskan agar mereka dapat mementukan hala tuju kehidupan mereka ke arah yang lebih baik. Pendidikan sepanjang hayat ini merupakan satu proses mencari ilmu secara sukarela. Keinginan untuk mencari ilmu adalah berdasarkan kepada keperluan seseorang untuk meningkatkan kualiti diri mereka. Malah menerusi latihan yang berkesan dan bersesuaian, pengetahuan dan kemahiran itu dapat disampaikan secara maksimum. Latihan juga merujuk kepada peningkatan ilmu secara sistematik terhadap kemahiran (Faizah, 2003), peraturan, konsep atau sifat (Azman & Nurul Inani, 2010), di mana tujuannya adalah untuk proses peningkatan kepada hasil yang lebih baik (Goldstein & Ford, 2002).

Dalam aspek di Malaysia, pendidikan sepanjang hayat merujuk kepada proses pendidikan yang diberikan kepada sesiapa sahaja tetapi ia bukanlah pendidikan secara profesional (pendidikan sekolah atau intitusi pendidikan) (Ministry of Higher Education, 2011). Ramai pengkaji melihat pendidikan sepanjang hayat ini merupakan latihan yang diberikan secara formal dan tidak formal (Chīiba, 2012; Brougère, 2013; Preece, 2012). Pendekatan latihan secara formal dan tidak formal perlu disesuaikan dengan peserta agar proses latihan yang diberikan akan berlaku dengan lebih lancar dan menghasilkan impak yang positif. Sejakar dengan pandangan (Ramlan et al., 2008) dalam kajian yang dijalankan, latihan ini tidak terhad kepada mereka yang bekerja, pendidikan sepanjang hayat ini juga boleh merujuk kepada peserta yang hanya sebagai suri rumah dan golongan yang berumur. Malah kajian yang di jalankan jelas menceritakan mengenai usaha yang dilakukan untuk membantu komuniti bagi meningkatkan pengetahuan mereka, dimana pihak sekolah mengambil peranan tersebut selain bantuan dari agensi kerajaan yang lain. Selain dari itu kajian yang dijalankan oleh (Abdul Rasid et al., 2012) di Inap Desa Miso Walai, Sabah menunjukkan betapa pentingnya pembangunan kapasiti komuniti untuk membangunkan komuniti di Miso Walai yang kebanyakannya mereka yang terdiri dari golongan orang dewasa ke satu tahap yang lebih baik agar mereka mampu membangunkan pelancongan berasaskan komuniti. Malah golongan dewasa merupakan kumpulan yang kerap menghadiri latihan ini untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka bagi meningkatkan prestasi kehidupan mereka (Dunlap, 2003). Konsep pembelajaran yang diberikan perlu merujuk kepada keperluan peserta dan ada kalanya pembelajaran tidak formal juga boleh dilakukan dimana peserta dapat bersama komuniti, keluarga atau sebagainya. Pada masa kini, kesedaran individu untuk mendapatkan ilmu adalah semakin tinggi. Sehubungan dengan itu, sebanyak 15 Kementerian di Malaysia telah mengambil peranan untuk membantu proses peningkatan pengetahuan melalui pendidikan sepanjang hayat (Kementerian Pengajian Tinggi, 2012) agar peluang meningkatkan pengetahuan diperolehi. Pelbagai peluang diberikan oleh Kerajaan Malaysia untuk membolehkan pembangunan komuniti ditingkatkan kepada aras yang lebih tinggi namun pendekatan latihan perlu dikaji selaras dengan tahap umur peserta kursus agar dapatkan yang diperolehi dari latihan adalah yang terbaik. Pendidikan untuk golongan dewasa antara keperluan semasa yang perlu dikaji, ia penting agar penyampaian dan penerimaan latihan dilakukan secara berkesan. Pendidikan untuk golongan dewasa lebih menjurus kepada keperluan dan kesesuaian golongan yang dah berumur, sebagaimana yang dinyatakan oleh (Schultz, 2012) pendekatan latihan yang diberikan akan melibatkan pengalaman dan ianya akan disusun menjadi pendekatan yang ilmiah sesuai dengan golongan dewasa ini.

Andragogi Dalam Latihan Untuk Operator Inap Desa

Pendidikan orang dewasa atau andragogi (Knowles, 1980) merupakan satu proses pendidikan yang dilakukan kepada golongan dewasa dalam usaha mereka meningkatkan pengetahuan (Roessger, 2012) dan kemahiran (Gilbert et.al., 2013). Keperluan operator inap desa dalam pendidikan orang dewasa adalah satu keperluan untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang pelancongan terutama dalam membangunkan inap desa agar perkhidmatan kepada pelancong dapat dipertingkatkan. Proses pendidikan orang dewasa di inap desa di lihat sangat perlu bagi menjadikan inap desa sebagai satu industri pelancongan desa yang mampu mengekalkan kualiti perkhidmatannya. Malah menerusi latihan yang berkesan, golongan dewasa ini dapat merealisasikan maklumat yang diterima kepada kualiti perkhidmatan dan pembangunan produk pelancongan yang terbaik. Ramai pengkaji melihat keperluan latihan kepada operator inap desa untuk meningkatkan pendapatan (Amin et. al., 2013), meningkatkan kemahiran berkomunikasi (Liu, 2006), serta meningkatkan kemahiran (Razzaq et. al., 2011) menerusi pendidikan orang dewasa yang bersistematis kerana majoriti yang tinggal di kampung adalah golongan dewasa (Nor Ashikin & Kalsom, 2010). Berbeza dengan pendekatan latihan secara andragogi yang lebih merujuk kepada bentuk latihan yang sering kali digunakan di sekolah-sekolah. Pedagogi merupakan satu seni dan sains kepada pendidikan kanak-kanak merupakan satu sistem pembelajaran yang dirangka secara berstruktur di mana ianya terdiri daripada aktiviti yang melibatkan pengalaman, pembuktian, memahami nilai-nilai positif dan dikongsi secara telus (Pollard et al., 2010). Pembelajaran pedagogi juga merujuk kepada pelajar muda yang mana mereka akan menggunakan modul pembelajaran untuk pembelajaran mereka. Walaubagaimanapun pendekatan pedagogi dan andragogi mempunyai beberapa perbezaan sebagaimana yang dibincangkan oleh (Knowles et.al., 2005; Ozuh, 2005 dan Yoshimoto et.al, 2007). Oleh yang demikian, penentuan pendekatan latihan perlu mengambil kira faktor umur peserta setiap kali memberi latihan.


Kepentingan latihan dan kaedah latihan kepada operator inap desa perlu dikaji bagi membantu industri pelancongan di inap desa agar dapat beroperasi dengan baik dan berkualiti. Beberapa pengkaji membincangkan mengenai betapa perlunya diberikan kepada operator inap desa dalam usaha menjadikan inap desa sebagai destinasi percutian pilihan oleh pelancong. Kajian yang dijalankan oleh (Shen & Liu, 2015) di Yuehetang, Taiwan mengenai inap desa di sana, jelas menunjukkan betapa tingginya peranan komuniti untuk membangunkan produk pelancongan agar ia boleh menjadi satu jenama yang boleh diterima oleh pelancong. Sehubungan dengan itu sekiranya latihan yang diberikan tidak mencukupi, ia mampu memberi impak negatif kepada industri pelancongan seperti kekurangan tahap kualiti kemudahan (Roszman & Kunjuraman, 2014), kekurangan promosi (Salleh, et.al, 2014), pengurangan penyertaan komuniti tempatan (Razzaq et. al., 2011), kekurangan dari aspek keselamatan (Ahmad et. al., 2014) dan pelbagai kelemahan lain yang boleh memberi kesan negatif pada industri pelancongan desa ini. Manakala merujuk kepada kajian yang dijalankan oleh (Walter, 2009) di Koh Yao Noi, Thailand menunjukkan pembelajaran kepada komuniti setempat menerusi pendidikan orang dewasa amatlah perlu untuk membangunkan pelancongan eko di Thailand. Kajian ini juga memperlihatkan komuniti diberi peningkatan pengetahuan dan kemahiran menguruskan produk pelancongan setempat untuk memberikan kualiti perkhidmatan yang terbaik kepada pelancong. Sehubungan dengan itu, perancangan latihan yang sistematis sangat penting dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan pelancongan di inap desa.

■3.0 METODOLOGI

Kajian ini dilakukan secara kualitatif yang melibatkan 5 buah inap desa di Johor. Kajian secara kualitatif ini melibatkan sesi temubual bersama 8 responden secara bersemuka bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam dari operator inap desa mengenai keperluan bentuk latihan yang bersesuaian dengan mereka. Pendekatan kajian secara kualitatif kepada golongan dewasa yang berumur 40 tahun dan ke atas dilihat sangat bertepatan kerana tahap tumpuan golongan dewasa semasa kajian dijalankan perlu dibentuk bagi menjawab segala persoalan yang diberikan. Bentuk perbualan secara tidak formal dan diselang-seli dengan gurauan membantu proses kajian dijalankan. Selain itu, merujuk kepada (Yin, 2009) menyatakan menerusi kajian secara kualitatif pengkaji berpeluang mendapat maklumat secara terus dari responden. Pengkaji berpeluang melihat reaksi responden dari segi intonasi suara, pergerakan badan dan air muka mereka semasa memberi maklumbalas yang diperlukan (Legard et.al., 2003). Persepsi sebegini sangat perlu bagi mengukuhkan lagi pandangan pengkaji pada maklumbalas yang diberikan. Dapatan yang diperolehi dari responden di analisa menggunakan perisian Atlas ti7 bagi membantu mendapatkan tema-tema yang berkaitan dengan matlamat kajian.

■4.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian yang dijalankan merupakan kajian yang melibatkan operator inap desa dari aspek meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui kursus. Secara keseluruhan operator inap desa tidak mempunyai asas dalam industri pelancongan. Walaubagaimanapun disebabkan permintaan yang tinggi dari pelancong, mereka tetap menerima kehadiran pelancong seadanya. Keperluan latihan dilihat sangat perlu bagi memastikan operator inap desa ini mempunyai pengetahuan di dalam industri pelancongan bagi menjaga kualiti perkhidmatan yang diberikan. Namun latihan yang diberikan perlulah bertepatan dengan peserta yang akan menghadiri latihan kerana kebanyakan operator inap desa adalah terdiri dari kalangan yang berusia. Kajian seumpama yang dijalankan oleh (Cyprian, 2012) di Inap Desa Kanchong Darat, Banting Selangor hanya menjurus kepada memahami proses pembelajaran golongan dewasa dalam latihan yang diberikan. Namun kajian yang dijalankan ini lebih untuk mengetahui kaedah pembelajaran yang diperlu kepada golongan dewasa dari persepsi peserta latihan yang terdiri dari mereka yang telah berumur. Rajah 1 merupakan peratus umur operator inap desa di Negeri Johor yang telah mendaftar di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Negeri Johor.



Rajah 1 Peratus umur peserta homestay di Negeri Johor bagi tahun 2014

Sumber : Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Johor (2014)

Dapatkan yang diperolehi mengenai umur peserta inap desa di negeri Johor menunjukkan majoriti operator inap desa adalah 40 tahun dan ke atas. Sehubungan dengan itu, memahami keperluan dan kehendak golongan dewasa di dalam latihan perlu dilihat bagi memastikan latihan yang terbaik diberikan untuk mereka. Dibawah ini merupakan dapatan yang diperolehi dalam kajian yang dijalankan mengenai keperluan latihan operator inap desa:

4.1 Keperluan Latihan Operator Inap Desa

Operator inap desa merupakan nadi kepada industri pelancongan inap desa, sehubungan dengan itu mereka perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran untuk penyediaan produk pelancongan dan persediaan menerima pelancong. Keperluan yang diperlukan seperti keperluan menghadiri latihan, keperluan pendekatan latihan dan keperluan fasiliti serta lokasi kursus dibincangkan bagi mengenalpasti keperluan sebenar operator inap yang kebanyakannya adalah golongan orang dewasa.

4.1.1 Keperluan Menghadiri Latihan

Menghadiri latihan merupakan satu keperluan kepada operator inap desa. Mereka melihat latihan adalah satu cara untuk mereka meningkatkan pengetahuan dan dalam masa yang sama mereka berpeluang untuk mempelajari sesuatu yang baru terutama yang berkaitan dengan industri pelancongan. Pendedahan mengenai pengendalian inap desa dan perkhidmatan melayan tetamu merupakan keperluan asas yang perlu dipelajari sebelum mengendalikan inap desa. Melalui latihan ini mereka akan lebih bersedia untuk berhadapan dengan pelancong dan mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik. Keperluan menghadiri latihan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan dan pengetahuan ada dibincangkan oleh beberapa pengkaji sebelum ini seperti (Chiang et. al., 2005; Lee & Wicks, 2010). Kajian ini juga mendapat latihan-latihan yang akan dihadiri perlulah selaras dengan keperluan yang diperlukan oleh peserta latihan agar mereka mendapat latihan yang bersesuaian dengan keperluan semasa dan dalam masa yang sama mereka dapat menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari pada inap desa mereka. A. Ismail & Ibrahim (2010) mempunyai pandangan yang sama dimana hubung kait di antara program yang ditawarkan, motivasi diri dan keberkesanannya latihan saling berkaitan antara satu sama lain sebelum ianya memenuhi keperluan peserta inap desa menghadiri kursus. Walaubagaimanapun penawaran latihan yang tidak berkaitan perlu dikaji semula. Ini kerana walaupun latihan tersebut mampu meningkatkan pengetahuan namun proses untuk mengaplikasikannya kadangkala tidak sesuai untuk dilaksanakan. Latihan-latihan seperti protokol di meja makan merupakan latihan yang sangat bagus untuk memastikan peralatan di meja tersusun dengan rapi seperti menyusun sudu dan garpu. Walaubagaimanapun keperluan menyediakan susun atur meja makan adalah tidak diperlukan sepenuhnya untuk pelancong. Mereka memerlukan kaedah tradisional seperti makan menggunakan tangan, duduk bersila di lantai dan menikmati hidangan-hidangan tradisional. Responden berpandangan pelancong yang hadir menginginkan tatacara kehidupan di luar bandar berbanding tatacara moden. Oleh yang demikian kursus-kursus yang lebih berkaitan perlu diberikan bagi memenuhi keperluan menghadiri latihan oleh operator inap desa.

Dalam aspek keperluan menghadiri latihan untuk golongan dewasa mempunyai perbezaan dengan golongan muda. Hal ini pernah dibincangkan oleh pengkaji sebelum ini seperti (Knowles, 1984; Ozuah, 2005; Blondy, 2007 dan Chan, 2010). Keperluan menghadiri latihan oleh golongan dewasa lebih merujuk kepada keinginan diri mereka untuk meningkatkan pengetahuan bagi pembangunan ekonomi diri mereka. Dalam masa yang sama ilmu yang diperolehi mampu digunakan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Manakala bagi golongan muda mereka menghadiri kelas kerana mereka perlu menghabiskan kurikulum yang telah ditetapkan oleh mereka. Keperluan menghadiri latihan bagi golongan dewasa dan muda adalah berbeza malah objektif pembelajaran juga berbeza bergantung kepada keperluan masing-masing. Oleh yang demikian adalah sangat perlu memastikan latihan yang diberikan kepada golongan dewasa benar-benar memenuhi keperluan peserta kursus dan mampu memenuhi objektif kursus yang dilaksanakan.

4.1.2 Keperluan Pendekatan Latihan

Pendekatan latihan merupakan satu keperluan semasa menghadiri latihan terutama kepada peserta-peserta latihan yang telah berumur. Pendekatan latihan menerusi pendidikan orang dewasa dilihat sangat perlu disebabkan pendekatan golongan dewasa adalah berbeza dengan golongan muda. Kajian yang dijalankan mendapat operator inap desa lebih cenderung kepada pendekatan latihan yang paling hampir dengan mereka di mana, penceramah tidak menjadikan suasana di dalam kelas itu terlalu formal. Sesi penerangan yang diberikan memberikan contoh-contoh yang paling hampir dengan inap desa mereka dan dalam masa yang sama penceramah berjaya mencuit hati mereka dengan gelak ketawa. Manakala bagi golongan muda pendekatan latihan lebih kebergantungan kepada guru (Whitmyer, 1998). Penerimaan golongan muda adalah berdasarkan kepada segala perancangan yang diberikan oleh guru.

Menerusi kajian yang dijalankan kebanyakannya responden berpandangan pendekatan latihan secara perbincangan adalah satu pendekatan yang baik. Perkongsian pengalaman setiap peserta mengenai isu dan pengalaman manis mereka bersama pelancong merupakan satu pendekatan perkongsian pengalaman yang sangat baik dalam membantu meningkatkan prestasi inap desa masing-masing. Dalam konteks inap desa perkongsian pengalaman banyak membantu peserta latihan kerana konsep pembelajaran sebegini sangat hampir dengan mereka. Pandangan dan keperluan responden sejajar dengan pandangan beberapa pengkaji mengenai pendekatan pembelajaran yang diperlukan seperti latihan secara tidak formal (Young, 2012), pembelajaran berasaskan situasi semasa (Ismail & Azman, 2010) dan pembelajaran berasaskan pengalaman (Kilpatrick et.al., 2010).

Dari aspek lain pendekatan pembelajaran secara teori semata-mata dan penggunaan multimedia yang hanya berbentuk tulisan merupakan kaedah yang perlu dihindari. Ini kerana kemampuan golongan dewasa untuk penerimaan kaedah latihan sebegini adalah sangat rendah. Oleh yang demikian pendekatan yang mengabungkan pembelajaran secara teori dan praktikal merupakan kaedah yang paling berkesan. Malah penambahan penggunaan multimedia yang interaktif mampu menarik perhatian peserta kursus dan dalam masa yang sama mampu meningkatkan kefahaman mereka mengenai topik yang dibincangkan (Halili et. al., 2012).

4.1.3 Keperluan Fasiliti dan Lokasi Kursus

Motivasi diri untuk menghadiri kursus sangat penting untuk seseorang dari aspek psikologi. Ini kerana program latihan, motivasi latihan dan keberkesanannya latihan dilihat saling berkaitan antara satu sama lain (Ismail & Ibrahim, 2010). Keperluan memenuhi motivasi untuk menghadiri latihan terutama untuk golongan dewasa adalah sangat penting. Ini disebabkan golongan ini mempunyai pelbagai komitmen yang perlu di selaraskan antara keperluan keluarga dan tugas sampingan. Keperluan menguruskan keluarga seperti menyediakan makanan dan menguruskan anak-anak ke sekolah merupakan keutamaan berbanding menghadiri kursus. Oleh yang demikian selain dari masa yang sesuai, lokasi dan kemudahan fasiliti di tempat latihan memainkan peranan yang penting dalam perancangan mengadakan latihan. Menyediakan lokasi latihan yang baik untuk memastikan proses latihan yang dijalankan kepada golongan dewasa berlaku dengan lancar adalah cukup penting (Halili et al., 2012). Kebanyakan responden bersedia untuk menghadiri kursus walaupun lokasinya jauh disebabkan motivasi diri yang tinggi untuk melihat tempat orang, walaubagaimanapun lokasi yang berkaitan perlulah popular, mempunyai tarikan yang tersendiri dan boleh membantu meningkatkan pengalaman mereka. Faktor motivasi kepada peserta untuk pergi ke sesuatu destinasi kursus akan berkurangan sekiranya tempat itu pernah dikunjungi dan tiada keistimewaan yang boleh menarik minat mereka.

Kemudahan fasiliti tempat latihan juga merupakan perkara yang sangat dititik berat oleh peserta kursus. Responden berpandangan tempat yang sempit dengan jumlah peserta yang ramai perlu dielakkan. Malah kemudahan pentas dianggap penting untuk memudahkan peserta yang berada di belakang dapat melihat penceramah dengan jelas. Dalam kata lain kemudahan di dalam tempat latihan perlulah sesuai dengan aktiviti yang dijalankan agar sesi perbincangan, perkongsian pengalaman dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Ini kerana dalam pendekatan latihan secara andragogi, pendekatan perbincangan, bekerja dalam kumpulan dan sebagainya memerlukan ruang kerja yang luas dan memudahkan pergerakan peserta. Towler & Dipboye (2006) ada membincangkan mengenai kemudahan tempat latihan agar ia memberi keselesaan kepada peserta latihan. Keperluan-keperluan lain seperti penghawa dingin, kemudahan tandas yang berdekatan dan bersih antara kemudahan yang perlu dipertimbangkan bagi memberi keselesaan kepada semua peserta.

■5.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Keperluan pembelajaran secara andragogi ataupun pendidikan orang dewasa perlu dilaksanakan bagi memastikan penyediaan proses latihan yang baik untuk operator inap desa di negeri Johor. Merujuk kepada kajian yang dijalankan didapati Konsep pendidikan orang dewasa atau andragogi ini mempunyai kekuatan yang tersendiri. Melalui keberkesanannya teknik latihan yang sesuai dengan golongan dewasa di inap desa, ia akan membantu menghasilkan dapatan keberkesanannya latihan yang berkualiti terutama dalam mendapatkan pengetahuan perkhidmatan serta pembangunan produk inap desa kepada pelancong. Selain dari itu, konsep pendidikan andragogi perlu diterapkan kepada semua operator inap desa di Negeri Johor kerana rata-rata mereka merupakan golongan dewasa berumur 40 tahun dan ke atas. Pelaksanaan latihan yang menggunakan konsep andragogi ini akan menarik perhatian peserta latihan kepada sesi latihan yang disampaikan dan dalam masa yang sama peningkatan kemahiran dan pengetahuan peserta dapat dipertingkatkan. Walaubagaimanapun sekiranya proses latihan yang diberikan tidak menggunakan pendekatan latihan yang bersesuaian dengan orang dewasa, pemahaman latihan mungkin tidak tercapai sepenuhnya dan kesannya boleh dilihat kepada kualiti pembangunan operasi inap desa yang perlahan.

Memahami keperluan dan keinginan golongan dewasa adalah satu cabaran yang perlu ditangani oleh pengelola latihan dan penceramah agar ia dapat membantu mengelakkan pembazirkan melalui latihan yang tidak berkesan. Bagi memastikan keberkesanannya latihan berlaku dengan baik, agensi-agensi yang menawarkan latihan perlu peka dengan keperluan peserta mereka. Latihan yang diberikan perlulah merupakan latihan yang diperlukan oleh operator inap desa bersesuaian dengan keperluan setempat dan ia juga perlulah selari dengan visi dan misi Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC). Pembangunan modul-modul yang menggunakan pendekatan andragogi perlu dibangunkan serta memastikan proses pembelajaran berlangsung dengan lebih berkesan. Selain dari itu pandangan dari operator inap desa perlu diambil kira di dalam perancangan pembangunan modul latihan agar keperluan yang mereka perlukan dapat dipenuhi dengan baik. Malah latihan yang berbentuk lawatan dan kemahiran dilihat perlulah dibangunkan sesuai dengan keinginan operator inap desa yang berumur.

Rujukan

- (PEPFAR), T. P. E. P. for A. R. (2012). *Capacity Building and Strengthening Framework*.
- Abdul Rasid, A. R., Mohamad Zaid, M., Ali, S., & Razali, H. (2012). Community Capacity Building for Sustainable Tourism Development : Experience from Miso Walai Homestay. *Business and Management Review*, 2(5), 10–19.
- Abdul Rasid, A. R., Mohamad Zaid, M., Syed Shikh, S. A. K., Amran, H., Zainab, K., & Nor Haniza, M. (2011). Community Capacity Building: Lessons From Miso Walai Homestay. *WEC 2011 Ecotourism Research Symposium*, 86–88.
- Abdul Rasid, A. R., Mohd Yusop, H., Mohamad Zaid, M., Amran, H., Zainab, K., & Nor Haniza, M. (2011). Local Community Participation in Homestay Program Development in Malaysia. *Journal of Modern Accounting and Auditing*, 7(12), 1418–1429.
- Aguinis, H., & Kraiger, K. (2009). Benefits of Training and Development for Individuals and Teams, Organizations and Society. *Annual Review of Psychology*, 60, 451–474. doi:10.1146/annurev.psych.60.110707.163505
- Aksu, A. A., & Sevcen, Y. (2011). Measuring Result of Training with ROI Method : An Application in a 5-Star Hotel in Antalya Region of Turkey. *An International Multidisciplinary Journal of Tourism*, 6(1), 193–212.
- Aref, F. (2011). Capacity Development of Community Organizations for Tourism Development and Planning in Shiraz, Iran. *Journal of Human Ecol*, 33(3), 197–201.
- Aziz, A., Ahmad Munir, M. S., Mohd Shaladdin, M., & Yahaya, I. (2013). A Predictive Determinant of Quality of Life among Homestay Program Participants in Malaysia. *Asian Social Science*, 9(3), 33–41. doi:10.5539/ass.v9n3p33
- Azman, I., & Nurul Inani, I. (2010). Motivasi Latihan sebagai Pembolehubah Penghubung antara Program Latihan dan Keberkesanan Latihan. *Journal Kemanusiaan*, 16, 83–98.
- Bhattacharya, K. (2007). *Introduction to Qualitative Methods A Student Handbook*.
- Blondy, L. C. (2007). Evaluation and Application of Andragogical Assumptions to the Adult Online Learning Environment. *Journal of Interactive Online Learning*, 6(2), 116–130.
- Brougère, G. (2013). Learning The Practice , Learning from The Practice : Tourist Practices and Lifelong Education. *International Journal of Lifelong Education*, 32(1), 93 – 106.
- Camino, L. (2005). Youth-Led Community Building: Promising Practices from Two Communities Using Community-Based Service-Learning. *Journal of Extension*, 43(1).
- Chan, S. (2010). Applications of Andragogy in Multi-Disciplined Teaching and Learning. *Journal of Adult Education*, 39(2), 25 – 35.
- Chanthraprayoon, O. S., & Sasiphalin, W. (2013). An Appropriate Homestay Management Model for Banmor Community, papai Sub-district, Sansai District, Chiang mai Province, Thailand. *Business and Information*, 174–184.
- Chiang, C.-F., Back, K.-J., & Canter, D. D. (2005). The Impact of Employee Training on Job Satisfaction and Intention to Stay in the Hotel Industry. *Journal of Human Resources in Hospitality & Tourism*, 4(2), 99–118. doi:10.1300/J171v04n02
- Chițiba, C. A. (2012). Lifelong Learning Challenges and Opportunities for Traditional Universities. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 46, 1943–1947. doi:10.1016/j.sbspro.2012.05.408
- Cyprian, O. E. (2012). Adult Learning Development from the Prism of Homestay. *Higher Education Studies*, 2(3), 77 – 87. doi:10.5539/hes.v2n3p77
- Dunlap, J. C. (2003). Changes in Students ' Use of Lifelong Learning Skills During a Problem-based Learning Project. *Performance Improvement Quarterly*, 18(1), 5–33.
- Faizah, Y. (2003). Analisis Keperluan Latihan. *Malaysian Journal of Social Administration*, 2, 1–19.
- Froelich, K. S., & Puig, E. A. (2009). Understanding Adult Learners. In *The Literacy Leadership team, Sustaining and Expanding Success* (pp. 6–15). Allyn & Bacon.
- Gilbert, M. J., Schiff, M., & Cunliffe, R. H. (2013). Teaching Restorative Justice : Developing a Restorative Andragogy for Face-to-face , Online and Hybrid Course Modalities. *Contemporary Justice Review*, 16(1), 43–69.
- Goldstein, I. L., & Ford, J. K. (2002). *Training in Organizations : Needs Assessment, Development and Evaluation*.
- Halili, S. H., Shukri, S. ., & Rashid, M. R. A. (2012). Aplikasi Prinsip Pembelajaran Dewasa Knowles dengan Penggunaan Mod Penyampaian Teknologi Sidang Video dalam Kalangan Pelajar Jarak Jauh. *AJTLHE*, 4(2), 79–90.
- Hancock, B., Ockleford, E., & Windridge, K. (2009). *An Introduction to Qualitative Research*.
- Hu, Y.-C., Wang, J.-H., & Wang, R.-Y. (2012). Evaluating the Performance of Taiwan Homestay Using Analytic Network Process. *Mathematical Problems in Engineering*, 1–24. doi:10.1155/2012/827193
- Johan Afendi, I., & Mohamad Zaki, A. (2009). Program Homestay Pemankin Pertubuhan Ekonomi Luar bandar, kajian Kes: Negeri-negeri Utara Semenanjung Malaysia. *Prosiding PERKEM IV*, 2, 227–242.
- Kementerian Pengajian Tinggi, M. (2012). *Direktori Pembelajaran Sepanjang Hayat*.
- Kidd, J. N., King, B. E. M., & Whitelaw, P. A. (2004). A Profile of Farmstay Visitors in Victoria , Australia and Preliminary Activity-Based Segmentation. *Journal of Hospitality and Leisure Marketing*, 11(4), 45 – 64.
- Kilpatrick, S., Stirling, C., & Orpin, P. (2010). Skill Development for Volunteering in Rural Communities. *Journal of Vocational Education & Training*, 62(2), 195–207. doi:10.1080/13636820.2010.486929
- Knowles, M. S. (1980). *The Modern Practice of Adult Education, From Pedagogy to Andragogy*. Cambridge, The Adult Education Company, New York.
- Knowles, M. S. (1984). *Andragogy in Action, Applying Modern Principles of Adult Learning*. Jossey-Bass, San Francisco.
- Knowles, M. S., Holton III, E. F., & Swanson, R. A. (2005). *The Adult Learner* (6th ed.). Elsevier.
- Laal, M. (2012). Benefits of Lifelong Learning. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 46, 4268–4272. doi:10.1016/j.sbspro.2012.06.239
- Laverack, G., & Thangphet, S. (2007). Building Community Capacity for Locally Managed Ecotourism in Northern Thailand. *Community Development Journal*, 44(2), 172–185. doi:10.1093/cdj/bsm058
- Lee, B. C., & Wicks, B. (2010). Tourism Technology Training for Destination Marketing Organisations (DMOs): Need-Based Content Development. *The Journal of Hospitality Leisure Sport and Tourism*, 9(1), 39–52. doi:10.3794/johls.91.241
- Legard, R., Keegan, J., & Ward, K. (2003). In-Depth Interviews. In J. Richie & J. Lewis (Eds.), *Qualitative Research Practice : A Guide for Social Science Students and Researchers* (pp. 138 – 169). SAGE Publications.
- Liu, A. (2006). Tourism in Rural Areas: Kedah, Malaysia. *Tourism Management*, 27(5), 878–889. doi:10.1016/j.tourman.2005.05.007
- Ministry of Higher Education, M. (2011). *Blueprint on Enculturation of Lifelong Learning for Malaysia 2011 - 2020*. Ministry of Higher Education Malaysia.
- Nor Ashikin, M. N., & Kalsom, K. (2010). The Challenges of Community Based Homestay Program in Malaysia. *Proceedings of Regional Conference on Tourism Research*, 66 – 73.
- Norlida Hanim, M. S., Siti Hajar, M. I., Redzuan, O., & Saiful Nizam, M. (2014). Homestay in Melaka : Participation of Local Community the Impact and Potential. *South Asian Journal of Tourism and Heritage*, 7(1).
- Okazaki, E. (2008). A Community-Based Tourism Model: Its Conception and Use. *Journal of Sustainable Tourism*, 16(5), 511. doi:10.2167/jost782.0
- Otoo, S., Agapitova, N., & Behrens, J. (2009). *The Capacity Development Results Framework: A strategic and Results-Oriented Approach to Learning for Capacity*.

- Ozuah, P. O. (2005). First, There was Pedagogy and Then Came Andragogy. *The Einstein Journal of Biology and Medicine*, 21, 83–87.
- Pollard, A., Alexander, R., Anderson, J., Baker, R., Dabies, S., Day, C., Warwick, P. (2010). Professionalism and Pedagogy: A Contemporary Opportunities.
- Preece, J. (2012). Africa and international policy making for lifelong learning: textual revelations. *International Journal of Educational Development*, 33(1), 98–105. doi:10.1016/j.ijedudev.2012.02.007
- Ramlan, Z. A., Ahmad, E., & Wan Mohd Rashid, W. A. (2008). Pendidikan Sepanjang Hayat : Isu, Cabaran dan Peranan Sekolah Membangun Modal Insan dalam Komuniti Setempat. In *Seminar Kebangsaan Pengurusan Pendidikan PKPGB 2008*, 1–9.
- Roessger, K. M. (2012). Toward an Interdisciplinary Perspective: A Review of Adult Learning Frameworks and Theoretical Models of Motor Learning. *Adult Education Quarterly*, 62(4), 371–392. doi:10.1177/0741713612436598
- Rohayu, R., & Noor Sharipah, S. S. (2013). Pembinaan keupayaan Dalam Pelancongan Orang Asli: Satu Kajian Kes Dalam Komuniti Mah Meri. In *Proceeding of The International Conference on Social Research*, 656–664
- Rosazman, H., & Kunjuraman, V. (2014). Sustainable Community-Based Tourism (CBT) Through Homestay Program in Sabah, East Malaysia. In *Proceeding of The Social Sciences Research ICSSR* (pp. 41–61).
- Schultz, R. B. (2012). A Critical Examination of the Teaching Methodologies Pertaining to Distance Learning In Geographic Education : Andragogy in an Adult Online Certificate Program. *Review of International Geographical Education Online*, 2(1), 45 – 60.
- Shen, C.-C., & Liu, D.-J. (2015). Correlation between the Homestay Experience and Brand equity : Using the Yuehetang Rural Residence as a Case Study. *Journal of Hospitality and Tourism Technology*, 6(1), 59–72. doi:<http://dx.doi.org/10.1108/MRR-09-2015-0216>
- Syed Zamperi, A., Fauzia, J., & Mehmood Khan. (2014). Entrepreneurs Choice in Business Venture: Motivations for Choosing Home-Stay Accommodation Businesses in Peninsular Malaysia. *International Journal of Hospitality Management*, 36, 31–40. doi:10.1016/j.ijhm.2013.08.006
- Towler, A., & Dipboye, R. L. (2006). Effects of Trainer Reputation and Trainees' Need for Cognition on Training Outcomes. *The Journal of Psychology*, 140(6), 549–564. doi:10.3200/JRLP.140.6.549-564
- Walker, J. T., & Gray, B. (2009). Community Voices — A Leadership Program Making a Difference in Rural Underserved Counties in North Carolina. *Journal of Extension*, 47(6).
- Walter, P. (2009). Local Knowledge and Adult Learning in Environmental Edlvt Education: Community Based Ecotourism in Southern Thailand. *International Journal of Lifelong Education*, 28(4), 513–532. doi:10.1080/02601370903031363
- Wan Chik Nurida, I., & Norzaini, A. (2010). Diverse Learning Styles of Non Formal Adult Learners in Community Colleges in Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 7 (C), 139–144. doi:10.1016/j.sbspro.2010.10.020
- Whitmyer, C. (1998). *Applying the Adult Learning Model to Online Learning*.
- Yin, R. K. (2009). *Case Study Research : Design and Methods* (4th ed.). SAGE Publications.
- Yoshimoto, K., Inenaga, Y., & Yamada, H. (2007). Pedagogy and Andragogy in Higher Education ? A Comparison between Germany, the UK and Japan. *European Journal of Education*, 42(1), 75–98. doi:10.1111/j.1465-3435.2007.00289.x
- Young, N. K. (2012). Effective Learning and Teaching of RDA: Applying Adult Learning Theory. *Journal of Library Metadata*, 12(2-3), 188–198. doi:10.1080/19386389.2012.699836